



Fail: (33) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.37
Tarikh: 12 November 2011

SIARAN MEDIA

KARNIVAL BANDAR SELAMAT DAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN ALOR SETAR 2011

ALOR SETAR, 12 NOVEMBER 2011- Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan Karnival Bandar Selamat dan Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat Negeri Kedah 2011 pagi ini.

KARNIVAL BANDAR SELAMAT NEGERI KEDAH 2011

Karnival Bandar Selamat ini julung kali diadakan di negara ini. Tujuan utama Karnival Bandar Selamat adalah untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan rakyat seluruhnya dalam membanteras jenayah.

Melalui Program Transformasi Kerajaan dan Bidang Keberhasilan Utama Negara, bagi Mengurangkan Jenayah, Kementerian Dalam Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah **RM5.2 juta** kepada sebelas (11) PBT di Negeri Kedah. Peruntukan ini disalurkan melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah. Peruntukan ini disalurkan bagi melaksanakan tiga (3) langkah segera Program Bandar Selamat di kawasan yang sering berlaku jenayah jalanan. Semua projek Bandar Selamat telah disiapkan pada akhir bulan Oktober 2011. Butiran adalah seperti berikut:-

- a) 700 tiang lampu jalan baru,
- b) 76 unit cermin keselamatan telah dipasang,
- c) 13.5km panjang laluan pejalan kaki telah diasingkan dari laluan bermotor melalui pembinaan tonggak jalan, rel penghadang, tanaman landskap dan laluan pejalan kaki khusus di semua PBT yang terlibat.

Dalam ucapannya, Chor mengarahkan semua PBT menjadikan Program Bandar Selamat sebagai agenda tetap dalam mesyuarat bulanan Majlis Penuh dan YBM

sendiri memantau kemajuan pelaksanaan Program Bandar Selamat dua kali setahun melalui Jawatankuasa Pemandu Program Bandar Selamat.

Bermula 23 Mei 2011, semua pelan susun atur dan pelan bangunan yang dikemukakan oleh pemaju perumahan kepada PBT melalui Unit Pusat Setempat (OSC) perlu menerapkan konsep Reka Bentuk Bandar Selamat atau dengan izin *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) untuk menghindar peluang kejadian jenayah dalam kawasan perumahan, perniagaan, kawasan lapang, sekolah, stesen bas, dan sebagainya.

PROGRAM BANDAR SELAMAT MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

Tahun 2011, Majlis Bandaraya Alor Setar telah diperuntukan sebanyak RM1 juta untuk membina 600 meter panjang rel penghadang, 137 lampu jalan dan 23 unit cermin keselamatan di tujuh (7) kawasan sekitar Bandaraya Alor Setar. Butiran projek adalah seperti berikut : -

- a) Jalan Sultan Badlishah;
- b) Jalan Tunku Ibrahim;
- c) Jalan Tunku Abdul Rahman Putra;
- d) Jalan Selamat;
- e) Persiaran Sultan Abdul Hamid;
- f) Lebuhraya Sultan Abdul Halim; dan
- g) Lebuhraya Sultanah Bahiyah;

serta sekitar Terminal Feri Kuala Kedah untuk menjamin keselamatan rakyat dan pelancong.

16 unit CCTV telah dipasang di Majlis Bandaraya Alor Setar, Sungai Petani dan Langkawi. Ia dilengkapi dengan dua Pusat Kawalan CCTV di PBT dan PDRM. Pusat Kawalan CCTV di Majlis Bandaraya Alor Setar dan Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar telah beroperasi 24 jam mulai 8 Februari 2011.

Pelaksanaan Program Bandar Selamat merupakan projek berterusan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji impak *Fear of Crime* dengan izin di

kawasan-kawasan yang telah melaksanakan projek Bandar Selamat. Lebih kurang 77 peratus rakyat berasa lebih selamat selepas projek Bandar Selamat disiapkan.

BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2011.

Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM20,000.00 kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi menjalankan program-program kempen bahasa kebangsaan sepanjang bulan Oktober dan November 2011. Ini bagi mendokong usaha memartabatkan bahasa Kebangsaan. Chor menyifatkan usaha menganjurkan program hari ini sebagai iltizam bersama untuk terus memperkasa dan memartabatkan bahasa kebangsaan. Ia selaras dengan kehendak perlembagaan persekutuan akan kepentingan bahasa kebangsaan dalam pembinaan sebuah negara bangsa.

Chor turut menyarankan, tanggungjawab membina dan memartabatkan bahasa kebangsaan adalah tanggungjawab bersama dan bukannya terletak pada satu-satu pihak sahaja. Di majlis ini, Chor turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak iaitu pakar bahasa, pakar bidang ilmu, cendekiawan dan sasterawan, para penulis, persatuan-persatuan penulis dan pertubuhan bukan kerajaan, para penerbit, media massa, agensi kerajaan dan bukan kerajaan, para pendidik dan seluruh lapisan masyarakat yang telah menyumbangkan ilmu, kepakaran, tenaga dan sokongan yang berterusan dalam membangunkan dan memartabatkan bahasa kebangsaan kita

Chor menegaskan supaya semua PBT memastikan paparan dan peragaan seperti papan iklan, papan tanda, nama jalan dan lain-lain mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan serta persekitaran memaparkan latar dan panorama yang bercitrakan Malaysia. Ini selaras dengan peruntukan undang-undang kecil iklan dan garis panduan papan iklan premis perniagaan.

Bagi memastikan usaha memartabatkan bahasa kebangsaan ini berjaya, semua pihak swasta, syarikat berkaitan kerajaan, institusi perbankan, kewangan dan insurans syarikat-syarikat perniagaan perlulah menggunakan bahasa kebangsaan.

Dokumen rasmi, papan tanda dan borang-borang adalah bukti sokongan terhadap kempen ini.

Turut hadir bagi majlis ini adalah Ybhg. Datuk Ahmad Bin Haji Kabit (Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Ybhg. Dato' Mohd. Fadzil bin Hj. Mohd Khir (Ketua Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa), Yang dihormati (Ketua Polis Negeri Kedah, Polis Diraja Malaysia) dan Yang Berusaha Dato' Haji Mat Noh bin Ahmad (Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Alor Setar)

-***-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my